

MAHATHIR - SYUKUR
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 1 MEI (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUCAPKAN SYUKUR KEPADA ALLAH KERANA MEMPERKENANKAN BELIAU MEMIMPIN UMNO BAGI PENGGAL YANG AKAN DATANG.

BELIAU MENYATAKAN KESYUKURAN ITU APABILA DIBERIKAN TAHNIAH OLEH PARA WARTAWAN YANG MENYERBU BELIAU DI UPACARA PELANCARAN YAYASAN +GERAK BAKTI PEMUDA+ ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA-- DI SINI.

DATUK SEPI DR. MAHATHIR MENANC TANPA BERTANDING SEBAGAI PRESIDEN UMNO UNTUK PENGGAL KEDUA.

SEBELUM ITU PARA ANGGOTA PEMUDA UMNO DAN LAIN--LAIN TETAJU JEMPUTAN YANG TERMASUK PARA MENTERI BESAR DAN MENTERI KABINET

MEMBERIKAN TEPUKAN GEMURUH ATAS SOKONGAN BULAT YANG DIBERIKAN OLEH BAHAGIAN--BAHAGIAN UMNO KEPADA BELIAU.

DITANYA OLEH PARA WARTAWAN SAMA ADA BELIAU MENJANGKA YANG BELIAU TIDAK AKAN DICABAR UNTUK JAWATAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +SAYA BERHARAP--HARAP BEGITULAH.+ -- LAGI 1920/MB
MAHATHIR - SYUKUR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR DICALONKAN OLEH '99 DARIPADA 114 BUAH BAHAGIAN UMNO APABILA PENCALONAN DITUTUP PUKUL 4.30 PETANG SEMALAM. BHAGIAN--BAHAGIAN LAIN TIDAK MENGHANTAR PENCALONAN BAGI PELBAGAI JAWATAN UNTUK PEMELIHAN PADA 25 MEI.

BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK MEMPUYAI APA--APA PENDAPAT MENGENAI HASRAT DATUK HARUN UNTUK BERTANDING KERANA BELIAU TELAH MEMBERITAHUNYA YANG BELIAU MAHU BERTANDING. +ITU ADALAH URUSANNYA,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKALI--KALI ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA SAMA ADALAH BELIAU BERSETUJU TERHADAP KEPUTUSAN DATUK HARUN ATAU BELIAU MEMBERI NASIHAT KEPADA DATUK HARUN SUPAYA JANGAN BERTANDING BAGI JAWATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TIDAK MENEMUI MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BARU--BARU INI BAGI MENASIHATINYA SUPAYA TIDAK BERTANDING BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN.

+TIDAK ADA PERTEMUAN SEUMPAMA ITU. SAYA TIDAK BERJUMPA DENGAN TENGGU RAZALEIGH,+ KATANYA SEBAGAI JAWAPAN KEPADA SOALAN SAMA ADA BELIAU MENASIHATINYA SUPAYA BERTANDING BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN.

-- LAGS 1925/MB

ZCZC B620

MAHATHIR - SYUKUR 3 KUALA LUMPUR

MEMANDANGKAN YANG DATUK HARUN MUNGKIN MELAWAN DATUK MUSA HITAM, TENGGU RAZALEIGH YANG SEBELUM INI DIJANGKA BERTANDING BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN KINI DIRAMAL BERTANDING BAGI KERUSI NAIB PRESIDEN.

TENGGU RAZALEIGH DITEWASKAN OLEH DATUK MUSA DENGAN KELEBIHAN 205 UNDIL DALAM PEREBUTAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN TAHUN 1981 DAN BERIKUTNYA BELIAU DILANTIK MENJADI BENDAHARI UMNO.

-- BERNAMA 1930/MB